

KOPERASI KOSPETA MALAYSIA BERHAD
(PENDAFTARAN - KOOP. NEGARA NO. 66)

**ATURAN TABUNG DERMA SISWA
KOPERASI KOSPETA MALAYSIA BERHAD**

1.0. TAJUK

- (1) Skim ini dinamakan **ATURAN TABUNG DERMASISWA KOPERASI KOSPETA MALAYSIA BERHAD** hendaklah ditubuhkan mulai daripada tarikh diluluskan Aturan-aturan **“TABUNG DERMASISWA KOPERASI KOSPETA MALAYSIA BERHAD”**
- (2) Aturan-aturan ini diwujudkan bagi menentu dan mengawal kegunaan dana berkenaan diagihkan secara yang betul dan tidak disalah gunakan selaras dengan undang-Undang Kecil 45(2)(x) Koperasi ini dan dikuatkuasakan selepas persetujuan Mesyuarat Agung koperasi.

2.0 TAFSIRAN

- (a) “Undang-Undang Kecil” bermakna Undang-Undang Kecil Koperasi Kospeta Malaysia Berhad.
- (b) “Aturan” bermakna aturan Derma Siswa Koperasi Kospeta Malaysia Berhad.
- (c) “Koperasi” atau “Koperasi ini” bermakna Koperasi Kospeta Malaysia Berhad
- (d) “Anggota” bermakna anggota Koperasi Kospeta Malaysia Berhad
- (e) “Lembaga” bermakna Lembaga Koperasi Kospeta Malaysia Berhad
- (f) “Mesyuarat Agung” bermakna Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan koperasi.
- (g) “Anak Anggota” bermakna anak anggota yang sah disisi undang-Undang negara Malaysia.

3.0 TUJUAN

Tujuan Aturan-aturan ini diwujudkan ialah untuk:-

- (1) Memberi sumbangan berbentuk insentif kepada anggota dan tanggungan anggota (anak-anak) yang memperolehi kelulusan cemerlang dalam beberapa jenis peperiksaan yang diadakan pada tiap-tiap tahun.
- (2) Meningkatkan dan meninggikan mutu pendidikan anak-anak anggota.
- (3) Mengumpulkan wang dan apa-apa kemudahan bagi tujuan bantuan pendidikan.
- (4) Merancang, menjalankan dan mengawal segala aktiviti yang berkaitan dengan Tabung Dermasiswa ini.

4.0 MODAL DAN SUMBER KEWANGAN

4.1 Modal dan Sumber kewangan bagi melaksanakan Kumpulan Wang ini adalah diperolehi dari:-

- (a) Keuntungan Koperasi ini yang diluluskan oleh Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Koperasi Kospeta Malaysia Berhad;
- (b) Pulangan dari pelaburan Tabung Dermasiswa (Keuntungan Simpanan Tetap).
- (c) Dari sebarang derma yang diberi oleh anggota-anggota dan lain-lain pihak.

5.0 KADAR DERMASISWA

<u>Peperiksaan</u>	<u>Jumlah Derma</u>
a) Ujian Penilaian Sekolah Rendah	RM50.00
b) Penilaian Menengah Rendah	RM100.00
c) Sijil Pelajaran Malaysia/ SPVM /Sijil Pelajaran Agama	RM150.00
d) Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia/ Sijil Tinggi Agama	RM200.00

6.0 KELAYAKAN

Peperiksaan	Kelulusan Minima
a) Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR)	5A
b) Penilaian Menengah Rendah (PMR)	6A
c) Sijil Pelajaran Malaysia/ SPVM	6A
d) Sijil Pelajaran Agama Malaysia (SPAM)	4 Senawi
d) Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM)	3P
e) Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM)	3 Senawi

7.0 PINDAAN KEPADA ATURAN

Aturan ini bolehlah ianya dipinda dengan syarat ianya hendaklah terlebih dahulu mendapat persetujuan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan

8.0. TAHUN KEWANGAN

Tahun Kewangan Tabung ini adalah seperti tahun kewangan Koperasi ini.

9.0 CARA MEMOHON

9.1 Permohonan hendaklah dibuat dengan mengisi borang yang disediakan dan dihantar kepada Setiausaha Koperasi beserta perkara-perkara berikut:

9.1.1 Bagi anak anggota salinan sijil sah peperiksaan yang diperakui oleh Pengetua sekolah dimana mereka menuntut. Manakala bagi anggota salinan sijil sah peperiksaan hendaklah diakui sahkan oleh pihak pengurusan tempat mereka berkhidmat.

9.1.2 Tarikh tutup permohonan adalah dalam tempoh dua bulan dari tarikh keputusan peperiksaan berkenaan diumumkan.

10.0 PEMILIHAN CALON YANG LAYAK

10.1 Permohonan yang diterima hendaklah diproses oleh Jawatankuasa yang telah dilantik bagi menentukan pemohon betul-betul layak dan mengikut kehendak syarat-syarat yang telah ditetapkan, pemilihan hendaklah berdasarkan kepada bukti-bukti kenyataan yang dikemukakan bersama-sama permohonan. Satu perakuan kepada Lembaga hendaklah disediakan bagi menentukan layaknya seseorang pemohon untuk menerima bantuan tersebut.

11.0 PEMBAYARAN

Bayaran bantuan akan hanya dibuat setelah ditentukan jumlah yang layak seseorang itu menerimanya setelah Lembaga mengadakan Mesyuarat bagi meluluskannya.

12.0. AUDIT

Audit Skim ini hendaklah beraudit bersekali dengan akaun-akaun Koperasi ini setahun sekali.

13.0. PENGGANTUNGAN/ PEMBUBARAN TABUNG INI

Jika keadaan atau kedudukan kewangan Tabung ini tidak mengizinkan lagi operasinya diteruskan, anggota Lembaga berkuasa menggantung perjalanan Tabung ini sehingga keadaan atau kedudukan kewangannya dipulihkan semula atau dibubarkan sama sekali.

14.0. MAKLUMAT KEPADA MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

Anggota Lembaga hendaklah membentangkan di dalam Mesyuarat Agung Tahunan mengenai aktiviti-aktiviti Tabung ini serta membuat cadangan-cadangan bagi memajukannya.

15.0. TAKRIF

Jika timbul sebarang perbezaan takrif mengenai aturan ini takrif Anggota Lembaga adalah muktamad.

16.0 PINDAAN KEPADA ATURAN-ATURAN

- 15.1 Aturan-Aturan ini hendaklah dibaca bersama dengan Undang-Undang Kecil Koperasi dan Akta Koperasi serta Peraturan-Peraturan.
- 15.2 Lembaga Koperasi bolehlah meminda sebarang peruntukan dalam Aturan ini apabila difikirkan mustahak dan memaklumkan kepada Mesyuarat Agung untuk memudahkan perjalanan dan pengurusan Aturan ini.

Dibentangkan dalam Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke 28 pada 27 Jun 2010 untuk kelulusan.